

Karnival Media UMS berlangsung penuh meriah

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL

KOTA KINABALU: Karnival Media Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diadakan di pantai Outdoor Development Centre (ODEC) UMS kelmarin, berlangsung dengan penuh meriah.

Pelbagai aktiviti menarik dianjurkan sempena program yang julung kalinya itu termasuk acara sukaneka, karoake, pertandingan mewarna kanak-kanak dan cabutan bertuah.

Karnival itu turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran seramai 40 kanak-kanak daripada Rumah Anak Kesayangan Sembulan.

Hadir sama ialah Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS Prof Dr Shahril Yusof dan Ketua Bahagian Perhubungan korporat UMS Vina Zahriani Yusof.

Dalam pada itu, Shahril berkata, selain memberi penghargaan kepada media, pihak UMS turut mengajak golongan kanak-kanak yang kurang bernasib baik untuk bersama-sama menikmati kemeriahinan karnival itu.

“Diharap ini akan menjadi



SHAHRIL (baju putih) ketika menyempurnakan perasmian Karnival Media UMS kelmarin.

pendorong dan membakar semangat mereka untuk berusaha menjejakkan kakit ke menara gading,” katanya.

Selain itu, beliau juga berkongsi harapan agar media tempatan akan terus bekerjasama dengan UMS pada masa akan datang, kerana liputan media serta laporan mengenai aktiviti yang dijalankan oleh UMS telah membantu meningkatkan nama universiti itu.

Terdahulu, Shahril berkata, beliau akan mencadangkan usul kepada Perpustakaan UMS bagi membuka keahlian kepada pengamal media.

“Keahlian ini akan memudahkan rakan-rakan media yang terdiri daripada wartawan atau editor untuk mengakses perpustakaan UMS secara online ketika menjalankan tugas mereka dalam topik yang berkaitan,” katanya.